



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1961](#) > [December](#) > [28](#) > [Page 2](#) > [Ahli2 keluar UMNO akibat sikap MB](#)



Ahli2 keluar UMNO akibat sikap MB

Berita Harian, 28 December 1961, Page 2

Share    

 Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

Ahli2 keluar UMNO akibat sikap MB

KAJANG, Rabu.

SA-RAMAI 10 orang ahli UMNO chawangan Kampong Sungai Merab, 8 batu dari Kajang, telah memutuskan untuk keluar beramai2 daripada menjadi ahli UMNO kerana bersengketa dengan Ketua chawangan itu.

Mereka yang keluar itu di-katakan hendak mema-soki sa-buah parti lain.

Juru chakap mereka, In-che Abdul Rahim bin Haji Amin, menyatakan kepada Berita Harian:

"Kami keluar kerana ti-dak puas hati dengan sikap Ketua UMNO Bahagian Se-pang merangkap Menteri Besar Selangor, Dato Abu Bakar Baginda yang menol-ak permintaan penduduk2 Kampong Sa-belas menu-bohkan sa-buah chawangan UMNO".

Chawangan

Mereka hendak menuboh-kan chawangan di-Kam-pong Sa-belas itu kerana



Kampung Sa-belas itu kerana "tidak puas hati" dengan Yang di-Pertua chawangan Sungai Merab, Inche Mohd. Yunos bin Mihad.

Mereka mengatakan Inche Mohd. Yunos "sangat lembab" dan "tidak mengambil berat" terhadap ahli2-nya yang sa-ramai 1,000 orang di-Kampung Sungai Merab itu.

"Penduduk2 itu tidak me-

rasakan ni'mat pembangu- nan luar bandar seperti yang di-rasakan oleh pendu- dok2 kampung2 lain di- jajahan Ulu Langat", kata Inche Abdul Rahim.

Rasa tidak puas hati pendu- dok2 Kampung Sa-belas itu telah pun di-kemuka- kan kepada Yang di-Pertua UMNO Bahagian Sepang.

Perkara itu kemudian di- rundingkan antara jawa- tankuasa Bahagian itu di- pengerusikan oleh Dato Abu Bakar Baginda sendiri pada 17 Desember yang lalu.

Dalam perundingan itu, penduduk2 Kampung Sa- belas mengemukakan kapa- da Ketua UMNO Bahagian Sepang supaya UMNO Su- ngai Merab di-bahagi dua chawangan.

Sa-buah Chawangan ba- haru Kampung Sa-belas akan di-tubuhkan tetapi usul ini di tolak oleh Jawa- tankuasa UMNO Bahagian Sepang.

Menurut Inche Abdul Rahim: "Kami di-minta tundok kepada Ketua UMNO Chawangan Sungai Merba, Inche Mohd. Yunos".



NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31